kualiti terbaik

Cukup matang, segar, bersih, dirapikan dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.

kualiti yang diterima pasaran

Cukup matang, segar, bersih dan dirapikan. Terdapat kecacatan rupa yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.

kualiti yang tidak dikehendaki pasaran

Halia Tua yang mengalami kecacatan dan rosak.

- Tidak cukup matang, tidak segar, tidak dirapikan, kotor dan terdapat kecacatan rupa yang teruk.



- Rosak disebabkan oleh haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangkahayat, pemakanan dan kualiti.



Cawangan Pembangunan Kualiti & Pengembangan
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia.
Tel : 603-6126 2020 Fax : 603-6138 3650 e-mel : fama@pop.moa.my

Siri Panduan KUALITI

HALIA TUA

Standard FAMA: FS027 - 2002

Halia Tua

sept. 08

www.famaxchange.org

Halia *(Zingiber officinale* ROSC.*)* dari keluarga Zingiberaceae ialah sejenis tanaman saka yang berasal dari kawasan tropika di Asia. Ditanam di kebanyakan kawasan di dunia terutamanya di India, China, Malaysia dan Indonesia. Antara jenis halia yang ditanam di Malaysia ialah jenis Bentong, Taiwan dan Indonesia yang berbeza dari segi bentuk rizom, kepedasan dan kandungan air.

Penanaman Halia menggunakan rizom yang matang dan cukup tua (berumur lebih dari 9 bulan) sebagai benih tanaman. Tanaman halia memerlukan sedikit naungan. Sesuai ditanam di pelbagai jenis tanah termasuk tanah gembur dan peroi serta gambut yang mempunyai saliran baik supaya tidak menyekat tumbesaran rizom.

Halia Tua banyak digunakan sebagai perasa dalam masakan. Ia juga boleh diproses, di keringkan dan dijadikan serbuk untuk masakan dan pelbagai kegunaan termasuk perubatan.

kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Kematangan Halia Tua untuk kegunaan segar dicapai selepas 8-9 bulan penanaman. Untuk mencapai tahap kualiti optimum, penuaian perlu dilakukan pada awal pagi atau di waktu petang dalam persekitaran yang redup. Halia yang telah dituai dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai seperti bakul plastik (30 kg) dan perlu dibawa secepat mungkin ke tempat pengumpulan bagi mengelakkan terdedah kepada cuaca panas yang akan menyebabkan rizom menjadi kecut. Rizom halia kemudiannya dibersihkan, dirawat (2-3 hari), digred dan dibungkus sebelum dipasarkan. Pastikan ia sentiasa kering dan disimpan di tempat teduh dan mempunyai pengudaraan yang baik. Halia tua boleh disimpan pada suhu 10-13°C dengan kadar kelembapan relatif 65-75% di mana jangkahayat kekal sehingga 6 bulan.

indeks kematangan

Tahap kematangan Halia dibahagikan kepada dua (2) indeks berikut berdasarkan umur dan ciri fizikal:

indeks 1 Halia Muda

Berumur antara 4½ hingga 7 bulan selepas tanam. Batang pokok berwarna hijau dan merah jambu. Rizom berwarna kuning keputihan, tekstur isi yang pejal, masih lembut dan rapuh.

indeks 2 Halia Tua

Berumur 8 bulan selepas ditanam dan tidak mempunyai batang. Rizom berwarna coklat perang, tekstur isi pejal, agak berserat dan tidak mudah patah. Permukaan rizom agak licin dan menggelupas.

spesifikasi gred

Halia Tua dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah *bebas* dari kecacatan atau kerosakan	Saiz seragam ≤5% Bertunas 0% Kecacatan 0% Rosak 0%
1	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah *agak bebas* dari kecacatan atau kerosakan.	Saiz seragam ≤10% Bertunas 0% Kecacatan ≤5% Rosak ≤10%
2	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah *agak bebas* dari kecacatan atau kerosakan.	Saiz seragam ≤10% Bertunas ≤10% Kecacatan ≤10% Rosak ≤10%

pengelasan saiz

Saiz Halia Tua di tentukan oleh berat dalam unit gram (g) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (g)
Besar	L	> 300
Sedang	M	> 201 – 300
Kecil	S	> 100 – 200